

23/04/2000

61 sahkan tanding jawatan Pemuda

KUALA LUMPUR: Seramai 61 orang mengesahkan untuk bertanding bagi jawatan dalam Pergerakan Pemuda Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Pemuda Umno Mokhzani Mahathir berkata jawatan naib ketua, pengerusi tetap dan timbalan pengerusi tetap akan menyaksikan pertandingan satu lawan satu.

Lima puluh lima orang lagi akan bertanding bagi jawatan anggota jawatankuasa.

"Sehingga tarikh tutup iaitu hari ini (semalam) seramai 11 orang gagal mengesahkan penyertaan sementara empat orang menarik diri," katanya kepada pemberita di ibu pejabat Umno di sini selepas taklimat khas untuk calon-calon bagi pemilihan itu.

Pemangku Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein secara tidak rasmi memenangi jawatan Ketua Pemuda setelah mendapat pencalonan 164 daripada 165 pergerakan pemuda.

Bagi jawatan naib ketua, dua anggota Exco pergerakan Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir dan Zein Isma Ismail akan bertanding mengisi jawatan yang dikosongkan oleh Hishammuddin.

Datuk Khalid Yunus, yang akan mempertahankan jawatan pengerusi tetap, akan dicabar oleh Datuk Abdul Kadir Daud manakala dua calon timbalan pengerusi tetap ialah Noordin Mohd Noor dan Muhammad Bushro Mat Johor.

Dalam taklimat itu, calon dan perwakilan diingatkan agar tidak menggunakan pendekatan politik yang keterlaluan sepanjang kempen serta cuba menggunakan wang untuk membeli sokongan.

(END)